

Sambutan jubli perak KESUMBA adaptasi norma baharu

UB 25.10.2021 P. 04

KOTA KINABALU: Kelab Suri Rumah dan Staf Wanita Universiti Malaysia Sabah (KESUMBA) menyambut ulang tahun ke-25 secara dalam talian dirasmikan oleh Penaung KESUMBA Toh Puan Norlidah R.M. Jasni.

Pada sambutan Jubli Perak berkenaan, Norlidah berharap agar KESUMBA akan terus memberikan fokus kepada pemerkasaan wanita dalam aspek bukan sahaja sosial tetapi juga melibatkan pendidikan dan ekonomi.

"Selaras dengan matlamat penubuhan KESUMBA, saya berharap kewujudan KESUMBA ini akan sentiasa relevan dan dirasai oleh masyarakat serta akan terus menyumbang bukan sahaja kepada pembangunan wanita, malah kepada ahli keluarga dan masyarakat.

"Ini kerana wanita adalah tulang belakang dan mempunyai peranan yang amat penting dalam pembangunan bukan sahaja keluarga tetapi juga dalam sesebuah organisasi.

"Pepatah Melayu yang amat signifikan dengan peranan wanita 'tangan yang menghayun buaian mampu mengoncang dunia', perlu diterapkan dalam diri setiap wanita," katanya.

Norlidah turut mendorong wanita untuk berganding bahu dan memberikan yang terbaik untuk keluarga, organisasi dan masyarakat tanpa mengira tahap pendidikan mahupun level kerjaya.

"Kita membina kekuatan, kejayaan dan kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan bukan untuk bersaing de-



RASMI: Norlidah ketika merasmikan sambutan Jubli Perak KESUMBA.

ngan kaum lelaki, tidak sama sekali tetapi kita lakukan apa yang kita suka dan cinta untuk lakukan demi keluarga, demi apa yang kita cintai namun pangkat serta gelaran merupakan bonus bagi kita," jelasnya.

Beliau turut memuji komitmen warga KESUMBA dalam menjalankan tanggungjawab sebagai penjawat awam, ibu dan guru kepada anak-anak sepanjang tempoh pandemik, tanpa menjejaskan peranan dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan.

"Saya menyeru agar semua ahli KESUMBA agar sentiasa bersatu hati dalam apa juga keadaan, saling menyokong, berkasih sayang, bermusyawarah agar objektif yang digariskan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti mencapai matlamat dan merealisasikan matlamat kelab yang telah diwujudkan sejak tahun 1996," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin selaku Penasihat KESUMBA turut berharap agar seluruh ahli KESUMBA akan terus bergerak sebagai satu pasu-

kan yang mantap, berintegriti dan saling bantu-membantu dalam merealisasikan matlamat penubuhan KESUMBA.

"Saya akui amanah dan tanggungjawab yang dipikul oleh setiap Yang Dipertua dan barisan Exco yang dilantik untuk membawa matlamat penubuhan KESUMBA amat berat sekali lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik COVID-19 ini.

"Alhamdulillah berkat musyawarah dan sikap kerjasama yang disemai dan dipraktik telah memperlihatkan setiap amanah yang diberi berjaya dilaksanakan.

"Pada kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga KESUMBA atas kerjasama yang padu dan tidak berbelah bahagi," katanya.

KESUMBA dalam majlis sama turut melancarkan Coffee Table Book bertajuk 'Dirgahayu KESUMBA Meniti 25 Tahun, Maju Sehati Mengukir Jasa' yang diterbitkan bersempena sambutan jubli perak KESUMBA pada 19 Oktober 2021.